



MAJLIS PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
(Human Resources Development Council)
TINGKAT 7, WISMA CHASE PERDANA
OFF JALAN SEMANTAN, BUKIT DAMANSARA
50490 KUALA LUMPUR

Tel : 03-20984800

Fax : 03-20935722

PEKELILING MAJIKAN BIL 1/99
PENGECUALIAN PEMBAYARAN LEVI PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA DAN
PEMBERIAN BANTUAN KEWANGAN PADA KADAR SATU RATUS PERATUS

1. TUJUAN

1.1 Tujuan pekeling ini adalah untuk memaklumkan kepada majikan mengenai perkara berikut: -

- a) Majikan-majikan dalam sektor/industri seperti di Lampiran 'A' dikecualikan daripada pembayaran untuk tempoh enam bulan mulai 12 Februari 1999 sehingga 11 Ogos 1999; dan
- b) Pemberian bantuan kewangan pada kadar seratus peratus (100%) (kecuali latihan luar negeri) diteruskan sehingga 11 Ogos 1999.

2. PENGECUALIAN PEMBAYARAN LEVI PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

2.1 Kerajaan telah bersetuju untuk mengecualikan pembayaran levi selama enam bulan mulai 12 Februari 1999 sehingga 11 Ogos 1999 kepada majikan dalam sektor/industri seperti di [Lampiran 'A'](#).

2.2 Majikan-majikan dalam sektor/industri pakaian kecuali kasut, produk getah, produk plastik dan perkhidmatan pos dan kurier tidak dikecualikan daripada membayar levi dan akan terus membayarnya.

2.3 Keputusan kerajaan ini adalah berasaskan kepada laporan Indeks Pengeluaran Perindustrian, laporan Penyiasatan Jangkaan Perniagaan Syarikat-syarikat Berhad dan juga maklumbalas industri. Laporan Indeks Pengeluaran Perindustrian bulan November 1998 yang disiarkan pada 11 Januari 1999 oleh Jabatan Perangkaan menunjukkan bahawa hanya keluaran pakaian kecuali kasut, produk getah dan produk plastik yang mencatatkan kenaikan indeks manakala industri lain mencatatkan kejatuhan indeks. Industri yang mencatatkan kejatuhan indeks telah diluluskan pengecualian pembayaran levi.

2.4 Bagi sektor pengangkutan dan telekomunikasi, laporan separuh tahun kedua 1998, Penyiasatan Jangkaan Perniagaan Bagi Syarikat-syarikat Berhad yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan pada bulan Oktober 1998, menggambarkan bahawa kedua-dua sektor berkenaan tidak menunjukkan kemajuan yang positif dan mengalami kejatuhan hasil kasar. Kedua-dua sektor ini juga dikecualikan daripada membayar levi.

2.5 Bagi sektor perkhidmatan lain, maklumbalas daripada persatuan-persatuan industri dan majikan menggambarkan bahawa hanya perkhidmatan pos sahaja tidak mengalami masalah, manakala sektor-sektor lain mengalami penguncupan perniagaan mereka. Dengan demikian, sektor-sektor yang menghadapi penguncupan perniagaan dikecualikan daripada membayar levi.

3. BANTUAN KEWANGAN PADA KADAR SATU RATUS PERATUS (100%)

3.1 Selaras dengan pengecualian pembayaran levi oleh sebahagian besar majikan berdaftar, Majlis juga telah membuat keputusan bahawa bantuan kewangan pada kadar seratus peratus (100%) kecuali latihan luar negeri yang telah diluluskan sebelum ini berkuatkuasa mulai 7 Ogos 1998 sehingga 6 Februari 1999 diteruskan sehingga 11 Ogos 1999. Langkah ini adalah sebagai menggalakkan majikan meneruskan aktiviti melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja walaupun dikecualikan daripada pembayaran levi

3.2 Majikan-majikan yang mempunyai baki levi, boleh menggunakan baki levi mereka untuk tujuan latihan semula pekerja. Majikan dinasihatkan supaya usaha melatih semula pekerja janganlah diabaikan dalam suasana kegawatan ekonomi ini kerana melalui latihan semula pekerja akan membantu majikan meningkatkan produktiviti yang akhirnya akan membantu majikan lebih berdaya maju dan berdaya saing.

4. PENUTUP

Adalah diharapkan majikan akan mempergiatkan lagi aktiviti melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja dengan menggunakan sepenuhnya kemudahan yang disediakan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

" LATIHAN TERANCANG TUNGGAK KECEMERLANGAN"

Saya yang menurut perintah,

(RUSNAN BIN SAMAT)

b.p. Ketua Pengarah
Majlis Pembangunan Sumber Manusia



**INDUSTRI YANG DIKECUALIKAN DARIPADA PEMBAYARAN LEVI MULAI 12
FEBRUARI 1999 SEHINGGA 11 OGOS 1999**

1. Pembuatan makanan;
2. Industri minuman;
3. Keluaran tembakau;
4. Tekstil;
5. Kulit & produk kulit;
6. Pembuatan kasut;
7. Produk kayu & gabus perabut;
8. Perabut;
9. Kertas & produk kertas;
10. Percetakan dan penerbitan;
11. Kimia perindustrian;
12. Produk kimia lain;
13. Penapisan minyak mentah;
14. Pelbagai produk petroleum dan arang batu;
15. Tembikar dan barangan tembikar;
16. Kaca dan barangan kaca;
17. Produk galian bukan logam;
18. Industri keluli dan keluli asas;
19. Industri asas logam bukan ferum;
20. Produk logam yang direka kecuali jentera dan kelengkapan;
21. Jentera melainkan alat elektrik;
22. Jentera elektrik, perkakas, alat bekalan;
23. Kelengkapan pengangkutan;
24. Alat professional & saintifik serta ukuran dan kawalan;
25. Lain-lain industri pengeluaran;
26. Hotel;
27. Penghantaran firet;
28. Perkapalan;
29. Pengangkutan udara;
30. Ajen pengembaraan
31. Telekomunikasi;
32. Komputer; dan
33. Pengiklanan

